



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

17 SEPTEMBER 2024

1/3



TUJUAN

- Laporan ringkas ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai status semasa cuaca panas, kesan serta tindakan-tindakan yang telah diambil.



RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 23 SEPTEMBER 2024)

- Monsun Barat Daya (MBD) telah bermula pada **17 Mei 2024** dan akan berterusan sehingga September 2024. Semasa MBD, lazimnya angin bertiup secara konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara yang lebih rendah dan keadaan atmosfera yang lebih stabil. Ini menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan yang membawa kepada taburan hujan yang lebih rendah dalam tempoh berkenaan. Sehubungan itu, kebanyakan tempat di seluruh negara akan mengalami bilangan hari tanpa hujan lebih banyak berbanding bilangan hari hujan.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca, **penumpuan angin** yang berlaku di **utara Semenanjung dan barat Sabah** dijangka berterusan **sehingga 21 September 2024**. Keadaan ini berpotensi menghasilkan ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang lebih panjang di kawasan tersebut serta angin kencang dan laut bergelora di perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka Utara.
- Sehubungan itu, MET Malaysia pada **13 September 2024** telah mengeluarkan **Amaran Hujan Berterusan (Waspada)** bagi **Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak** yang berkuatkuasa **15 sehingga 19 September 2024** dan pada **17 September 2024** juga telah mengemaskini **Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora** bagi **Laut China Selatan dan Selat Melaka Utara** berkuat kuasa **sehingga 21 September 2024**.
- Sementara itu, di negeri-negeri lain, cuaca ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang masih berpotensi berlaku sepanjang minggu ini.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS CUACA PANAS

- Bagi status cuaca panas terkini pada **16 September 2024**, daerah **Selangau dan Tatau, Sarawak** telah mencatatkan cuaca panas **tahap 1**. Bagi tempoh dari **17 - 23 September 2024** dijangkakan corak cuaca yang sama akan berlaku di mana tahap amaran paling maksima yang akan dikeluarkan adalah pada tahap 1 sahaja.

- Untuk rujukan, tahap 1 (berjaga-jaga: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), tahap 2 (gelombang haba: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan tahap 3 (gelombang haba ekstrem: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Pada **10 - 17 September 2024**, terdapat **satu (1)** kawasan yang merekodkan kualiti udara yang tidak sihat dengan bacaan API seperti berikut:
 - ✓ **Sri Aman, Sarawak - 153 (16 September 2024)**
- Untuk rujukan, bacaan API 0 - 50 (baik), 51 - 100 (sederhana), 101 - 200 (tidak sihat), 201 - 300 (amat tidak sihat) dan melebihi 300 (merbahaya).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)



STORAN EMPANGAN

- Sehingga **13 September 2024**, terdapat **dua (2)** empangan yang masih menunjukkan penyusutan baki stok simpanan semasa air mentah dan berada pada paras **BAHAYA**, iaitu **Empangan Muda di Kedah (9.20%)** dan **Empangan Teluk Bahang di Pulau Pinang (28.20%)**.
- Manakala **tiga (3)** empangan lain menunjukkan baki stok simpanan semasa air mentah berada pada paras **AMARAN**, iaitu:
 - i. **Empangan Pedu di Kedah (36.08%);**
 - ii. **Empangan Air Hitam di Pulau Pinang (43.60%);** dan
 - iii. **Empangan Malut di Kedah (49.80%).**
- Untuk rujukan, baki storan **29.99% dan ke bawah (BAHAYA)**, **30% hingga 59.99% (AMARAN)** serta **60% dan ke atas (NORMAL)**.

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Pada **12 September 2024**, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengeluarkan hebahan ramalan dan amaran kemarau bagi **satu (1)** lembangan sungai, iaitu **Lembangan Sungai Muda, Kedah** di **dua (2)** stesen, iaitu **Empangan Muda, Baling dan Empangan Beris, Sik.**

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

17 SEPTEMBER 2024

2/3



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pemantauan sehingga **17 September 2024** mendapati jumlah kes kumulatif bagi penyakit berkaitan cuaca panas **meningkat kepada 126 kes (berbanding 124 kes pada 10 September 2024)** dengan pecahan kes mengikut diagnosis adalah **88 kes kelesuan haba, 30 kes strok haba dan lapan (8) kes kejang haba**.
- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 22 kes di Terengganu, 19 kes di Kedah, 17 kes di Pahang, 14 kes di Johor, 13 kes di Perak, 12 kes di Negeri Sembilan, sembilan (9) kes di Selangor, tujuh (7) kes di Sabah, lima (5) kes di Kelantan, empat (4) kes di Perlis, tiga (3) kes di WP Kuala Lumpur dan satu (1) kes di Pulau Pinang. Pecahan kes mengikut umur adalah 94 dewasa, 26 remaja, empat (4) kanak-kanak dan dua (2) warga emas.
- Tiada kes kematian baru dilaporkan pada minggu ini. Kes kematian akibat strok haba **kekal enam (6) kes** yang melibatkan seorang lelaki dewasa berusia 22 tahun pada **2 Februari 2024** di Pahang, seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga (3) tahun pada **1 April 2024** di Kelantan, seorang lelaki dewasa berusia 25 tahun pada **22 April 2024** di Negeri Sembilan, seorang lelaki dewasa berusia 31 tahun pada **4 Jun 2024** di Perak, seorang lelaki dewasa berusia 22 tahun pada **13 Jun 2024** di WP Kuala Lumpur dan seorang lelaki dewasa berusia 25 tahun pada **24 Ogos 2024** di Pahang.
- Semua kes lain telah mendapat rawatan dan sembuh.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada **14 Mei 2024** YAB Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Bil. 1/2024** yang turut dihadiri oleh YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Agensi-agensi Teknikal serta Agensi-agensi Tindak Balas. NADMA merupakan urus setia mesyuarat. Fokus utama mesyuarat adalah untuk membincangkan persiapan pelbagai agensi untuk menghadapi Monsun Barat Daya (MBD) yang dijangka akan membawa cuaca yang lebih kering dan kebanyakan negeri akan mengalami lebih banyak bilangan hari tanpa hujan. JPBN telah diminta untuk mengambil langkah yang sewajarnya untuk bersama-sama menghadapi situasi ini dengan meminta pengendali air untuk meningkatkan kecekapan operasi mereka serta menyediakan sokongan logistik untuk memobilisasi bekalan air ke kawasan terjejas.

- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pelbagai agensi pada **15 Februari 2024** bagi memperkasakan kesiapsagaan untuk menangani impak fenomena cuaca panas dan kering semasa peralihan Monsun Timur Laut (MTL).
- Operasi Pembenihan Awan (OPA)** telah dilaksanakan pada **27 - 28 Februari 2024** berdasarkan permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyasarkan kawasan sekitar **Empangan Teluk Bahang dan Air Itam di Pulau Pinang dan Empangan Bukit Merah di Perak**.
- OPA di kawasan yang terjejas akibat kemarau di Sabah telah dilaksanakan pada **28 - 30 Mac 2024** dengan kerjasama NADMA, Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). OPA di Sabah ini merupakan langkah untuk mengurangkan kesan kemarau dan juga kekurangan air melibatkan beberapa kawasan di **Papar, Lahad Datu dan Tawau**.
- Pada **10 Jun 2024**, pihak NADMA telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan OPA Negeri Kelantan bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Pejabat SUK Kelantan, MET Malaysia, TUDM, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan JPS. Mesyuarat bersetuju diadakan OPA bagi negeri Kelantan pada **21 - 23 Jun 2024** bagi kawasan Hulu Sungai Kelantan.
- Pada **21 - 23 Jun 2024**, OPA telah dijalankan di negeri Kelantan yang memberi tumpuan kepada **tujuh (7) lokasi strategik**, iaitu meliputi kawasan sekitar **Pasir Mas, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Puteh, Dabong, Kemubu dan Manek Urai**. Operasi ini, bertujuan untuk meningkatkan paras air semasa Sungai Kelantan yang menjadi sumber utama pengairan kawasan penanaman padi seliaan KADA.
- Pada **4 Julai 2024**, pihak NADMA telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan OPA Negeri Perak dan Kedah bersama KPKM, MET Malaysia, TUDM, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), JPS, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan OPA bagi kawasan **Empangan Bukit Merah, Perak dan Empangan Muda, Kedah berdasarkan tarikh yang ditetapkan oleh MET Malaysia**. OPA telah dijalankan pada **29 Julai - 31 Julai 2024** untuk meningkatkan paras air di kedua-dua empangan bagi tujuan pertanian dan kegunaan air domestik. OPA akan diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Usaha ini adalah salah satu dari usaha kerajaan untuk menangani impak fenomena cuaca panas dan Monsun Barat Daya yang dijangka berterusan sehingga penghujung September 2024.



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

17 SEPTEMBER 2024

3/3

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan memberi tumpuan terhadap kawasan titik panas kebakaran di seluruh negara susulan fasa akhir Monsun Timur Laut. Selangor, Johor dan Sarawak merupakan antara negeri tertinggi yang direkodkan berlaku pengulangan insiden melibatkan kebakaran kategori lalang, kebun, hutan dan pelupusan sampah.
- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** pada **19 Mac 2024** telah meminta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan semua institusi pendidikan bawah KPM untuk melaksanakan langkah-langkah seperti berikut :
 - i. menangguhkan semua aktiviti luar bilik darjah jika cuaca terlalu panas;
 - ii. memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas;
 - iii. memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan bawah KPM dan menggalakkan murid membawa air minuman sendiri bagi yang tidak berpuasa/murid bukan Islam;
 - iv. menasihati dan menggalakkan murid mengambil air minuman dalam kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan;
 - v. membekalkan air minuman kepada murid asrama sekiranya keadaan kritikal dan tiada sumber lain bagi mendapatkan air minuman; dan
 - vi. sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat cuaca panas.

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

Tips Sewaktu Musim Panas:

- ✓ Minum air mencukupi.
- ✓ Hadkan aktiviti luar.
- ✓ Pakai pakaian yang selesa, sesuai dan mudah menyerap peluh.
- ✓ Elakkan pembakaran terbuka.
- ✓ Menyimpan bekalan air secukupnya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>